Nuansa

EDITOR : NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN
TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 4414 FAKS : 03-20567083/7084

# TENAGA DARIPADA SISA PEPEJAL



Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

**Ramai** beranggapan sisa buangan pepejal atau sampah domestik yang dihasilkan daripada aktiviti manusia setiap hari perlu dibuang terus ke tapak pelupusan kerana beranggapan ia tidak bernilai.

Malah masalah sisa pepejal ini juga kerap dikaitkan sebagai antara sumber pencemaran alam sekitar.

Hakikatnya, di negara ini ramai yang tidak mengetahui sisa pepejal itu jika diuruskan dengan baik, ia boleh diproses menjadi sumber dan bahan berguna kepada negara dan melestarikan alam sekitar.

Kaedah ini dikenali sebagai sisa buangan kepada tenaga atau Waste to Energy (WTE) iaitu teknologi yang memproses sisa buangan pepejal dan menukarnya kepada haba, stim serta tenaga elektrik.

>N36&N37